

27 JUL 1997

Mahathir-Soros

SEMUA NEGARA MEMBANGUN TERDEDAH KEPADA SABOTAJ SOROS, KATA PM

ALOR SETAR, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata semua negara membangun akan terdedah kepada kemungkinan nilai mata wang mereka disabotaj selagi masyarakat antarabangsa tidak menganggap perbuatan menjatuhkan nilai mata wang sebagai satu jenayah.

Perdana Menteri berkata selagi masyarakat antarabangsa tidak mengambil tindakan memerangi perbuatan itu, kemungkinan nilai mata wang negara-negara membangun akan terus disabotaj supaya mereka (negara-negara membangun) terus kekal dalam keadaan kemiskinan.

"Fenomena ini akan berulang lagi, sebab itu kita anggap ia sebagai suatu jenayah," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas melawat abangnya Mashahor, 73, dan kakaknya Habsah, 76, yang sedang dirawat di Pusat Pakar Utara di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan Amerika Syarikat yang mempertahankan George Soros dengan menyatakan pergerakan pasaran yang telah menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean sejak beberapa minggu lepas.

Semalam, Dr Mahathir mengesahkan bahawa Soros, pembiaya kewangan antarabangsa, merupakan dalang yang bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan nilai mata wang itu.

Perdana Menteri berkata pergerakan pasaran seperti itu juga berlaku di Amerika Syarikat semasa "tiga empat" orang telah menjual saham yang tidak berguna di pasaran saham di sana sehingga berlaku kerugian yang besar.

Akhirnya, Amerika Syarikat menangkap dan memasukkan mereka ke dalam penjara.

"Tapi bila jadi kat (kepada) kita, mereka kata inilah maksud mereka dengan psaran terbuka.

"Kita jadi mangsa. Kita usahakan 30 hingga 40 tahun nak bangunkan negara kita tapi dengan sekelip mata sahaja mereka kononnya ada hak untuk merosakkan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka berlagak sebagai Robin Hood kononnya mencuri daripada orang kerana hendak memberinya kepada orang lain.

"Tetapi perbuatan ini adalah jenayah," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh mengambil tindakan terhadap Soros kerana ia negara kecil dan bukannya satu kuasa besar.

"Kalau kita kuasa besar, kita boleh guna undang-undang negara kita di luar negara dengan hantar pasukan tentera untuk tangkap orang itu, bawa balik dan kita bicarakan di negara kita," katanya.

Ketika diminta mengulas cadangan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin supaya asas Deklarasi Hak Asasi Manusia di Bangsa-bangsa Bersatu dikaji semula sebagai sebahagian daripada reformasinya, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkaji sama ada hendak mengemukakan cadangan kajian itu kepada PBB.

"Kajian itu penting kerana apa yang ditentukan 50 tahun dahulu sudah tidak sesuai lagi sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata deklarasi itu dibuat oleh negara-negara kuasa besar yang tidak faham tentang keperluan negara-negara miskin "yang mengutamakan bukan sangat kepada kebebasan tetapi bekalan makanan".

"Itu hak mereka. Walaupun tak dapat undi...dapat makan dah cukup. Tapi Barat lebih mengutamakan hak nak undi daripada hak nak makan...mati tak apa," kata Dr Mahathir.

Daim membuat cadangan itu dalam ucapan balasnya setelah menerima Ijazah

Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) dari Universiti Utara Malaysia di Sintok semalam.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau sudah berbincang dengan kerajaan Sabah dan Sarawak, yang masih berpendapat bahawa mereka perlu sampai ke suatu tahap barulah boleh membuka kedua-dua negeri itu untuk golongan profesional dari Semenanjung.

"Mereka berbuat demikian kerana mereka berasa terancam," katanya.

Semalam, peguam Karpal Singh meminta Dr Mahathir mengkaji masalah kesukaran peguam dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. --
BERNAMA

JM MAI